

Newspaper	Sinar Harian
Date	15/07/2017

Pakatan Harapan



KETUA UMUM:
Datuk Seri Anwar Ibrahim



PENGERUSE:
Tun Dr Mahathir Mohamad



PRESIDEN:
Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail

TIMBALAN PRESIDEN:



Tan Sri Muhyiddin Yassin



Lim Guan Eng



Mohamad Sabu

NAIB PRESIDEN:
Datuk Seri Mohamed Azmin Ali
Datuk Seri Mukhriz Mahathir
Chong Chieng Jen
Salahuddin Ayub

KETUA SETIAUSAHA:
Datuk Saifuddin Abdullah

BENDAHARI:
M. Kula Segaran

Pelantikan tamatkan spekulasi

SHAH ALAM - Pelantikan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi Pakatan Harapan kelmarin, dijangka mampu menamatkan spekulasi yang timbul berkaitan muafakat parti komponen itu menjelang PRU14.

Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pelantikan itu amat signifikan kepada pengukuhan Pakatan Harapan serta memberi hala tuju, fokus dan kepimpinan dalam muafakat menjelang PRU14.

"Tahniah Tun (Dr Mahathir). Pelantikan itu mendapat sokongan semua anggota Pakatan Harapan. Saya percaya perkembangan ini akan tamatkan semua spekulasi," katanya dalam kenyataan media.

Misi gempur Putrajaya

Sinar Harian - 15/7/2017 pg. 2



SHAH ALAM - Pakatan Harapan mengambil tanggungjawab membela rakyat dan membina semula negara yang dirosakkan pentadbiran pimpinan BN dan Umno melalui kesatuan politik di antara PKR, DAP, Amanah dan Bersatu.

Pakatan Harapan dalam satu kenyataannya berkata, pihaknya akan menggembelng seluruh kekuatan rakyat untuk memenangi PRU14.

Oleh itu, Pakatan Harapan menyenaraikan enam matlamat membentuk pemerintahan yang lebih demokratik, kerajaan yang komited untuk melaksanakan reformasi institusi, menjalankan tadbir urus yang baik dan mengutamakan kebajikan rakyat.

"Matlamat itu adalah menurunkan kerajaan pimpinan kleptokrat yang diketuai Datuk Seri Najib Razak. Kedua, memulihkan kedaulatan dan kehormatan undang-undang seperti dalam Perlembagaan Malaysia.

"Ketiga, membatalkan dan memperbetulkan semua tindakan yang melanggar



Mahathir bersama ahli dan pemimpin Pakatan Harapan pada mesyuarat Majlis Presiden, kelmarin.

undang-undang dan mengadatkan kepentingan rakyat termasuk mendapatkan kembali wang rakyat yang hilang melalui skandal besar seperti 1MDB, membebaskan tahanan dan menggugurkan semua dakwaan politik.

"Seterusnya, reformasi undang-undang dan institusi serta mengehadkan penggal perkhidmatan perdana menteri kepada dua penggal sahaja," katanya.

Majlis Presiden Pakatan Harapan bersetuju menerima struktur kepimpinan Pakatan Harapan yang baharu iaitu, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai ketua umum.

Katanya, pengerusi pula adalah Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail sebagai presiden.

"Manakala, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Lim Guan Eng

dan Mohamad Sabu adalah timbalan presiden. Sementara itu, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Chong Chieng Jen dan Salahuddin Ayub menjadi naib presiden," katanya.

Selain itu, Datuk Saifuddin Abdullah pula dilantik sebagai ketua setiausaha dan M Kula Segaran sebagai bendahari.

"Pakatan Harapan memberi komitmen bahawa proses memohon pengampunan dan pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dimulakan dalam tempoh seminggu selepas Pakatan Harapan membentuk kerajaan.

"Permohonan dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, akan membolehkan beliau (Anwar) kembali semula dalam politik negara sepenuhnya," katanya.

7 JANJI HARAPAN

INFO

Dalam tempoh 100 hari pertama membentuk kerajaan:

- Menghapuskan GST
- Menstabilkan harga petrol
- Memberi fokus kepada usaha meringankan beban rakyat
- Mulakan proses reformasi institusi secara menyeluruh
- Perang rasuah hingga akar umbi
- Tubuh suruhanjaya siasatan diraja skandal 1MDB
- Pulihkan Felda